

KERIS

Manifestasi Kebijaksanaan Masyarakat Melayu

Perkataan keris sudah pasti tidak asing daripada minda masyarakat Malaysia khususnya masyarakat Melayu yang merupakan pelengkap identiti pemakaian busana orang Melayu. Keris juga sinonim dengan penggunaannya dalam adat perkahwinan orang Melayu. Pengantin lelaki akan menyisipkan sebilah keris di pinggangnya bagi melengkapkan pemakaian busana Melayu. Namun begitu, apakah nilai sesebuah keris hanya terletak pada kegunaannya di dalam majlis perkahwinan dan gelanggang silat? Perkara ini menjadi persoalan dalam kalangan masyarakat mengenai fungsi atau makna sebenar sebilah keris.

Keris ialah senjata untuk menikam yang digunakan oleh masyarakat Melayu di Nusantara. Keris terdiri daripada beberapa komponen seperti hulu, sampir, bilah keris, batang serunai dan tapak. Struktur sebilah keris pula terdiri daripada beberapa bahagian asas seperti puting, ekor cicak, kerawang, ganjar, lok, mata bilah dan tuntung. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa walaupun keris merupakan satu daripada senjata

bertikam, namun memiliki ciri-ciri atau komponen yang kompleks dalam pembentukannya.

Mungkin ramai yang tidak mengetahui bahawa terdapat pelbagai jenis keris yang ada dalam alam Melayu terutamanya di Malaysia. Terdapat beberapa jenis keris seperti keris Bugis, keris Anak Alang, keris Malela dan keris Tok Chu. Setiap keris ini memiliki ciri-ciri tersendiri yang menjadikannya unik dan mendapat tempat dalam jiwa masyarakat Melayu.

Keris sebenarnya bukan sekadar berfungsi sebagai peralatan yang digunakan dalam majlis perkahwinan atau gelanggang silat, malah lebih daripada itu, keris memiliki fungsi yang besar dalam diri orang Melayu kerana pengertian dan falsafahnya. Selain berfungsi sebagai alat regalia bagi kegunaan kesultanan Melayu, keris juga digunakan sebagai alat untuk mendapatkan pengenalan awal terhadap identiti atau asal usul seseorang, iaitu dengan hanya melihat bentuk sampir atau sarung keris yang disisip.

Hal ini dikatakan demikian kerana hampir setiap negeri di Malaysia mempunyai bentuk sampir atau sarung keris yang tersendiri. Contohnya,



sekiranya seseorang itu menyisip keris bersampir Lancang yang sinonim dengan negeri Perak, maka masyarakat dapat mengenali bahawa individu tersebut berasal dari Perak. Kaedah ini kebiasaannya digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu untuk mengenali asal usul seseorang ketika melakukan aktiviti perdagangan. Oleh hal yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa keris juga berperanan sebagai alat pengenalan masyarakat Melayu dahulu ketika melakukan aktiviti perdagangan di Nusantara. Maka itu, kita dapat menilai bahawa betapa hebatnya keris yang asalnya hanya sebagai senjata bertikam turut berfungsi sebagai pengenalan identiti seseorang.

Pengertian Lok atau lengguk pada bilah keris juga memiliki falsafah yang tinggi dan pengertian yang tersendiri. Rata-rata masyarakat khususnya masyarakat Melayu mungkin pernah mendengar dan meneliti pendedahan oleh pengkaji-pengkaji keris seperti Felo Perunding Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), YBhg. Dato' Dr. Abdul Mua'ti; Timbalan Mufti Negeri Pahang, YBhg. Dato' Haji Badli Shah Haji Alauddin dan penceramah bebas, Ustaz Muhamad Abdullah berkaitan dengan falsafah di sebalik bilangan Lok keris menerusi platform media sosial. Namun untuk pengetahuan para pembaca, tafsiran terhadap makna di sebalik bilangan Lok keris adalah bersifat subjektif kerana pentafsirannya yang mengikut pemahaman kedaerahan.

Perlu diketahui bahawa pengertian alam Melayu atau masyarakat Melayu dahulu bukan merujuk hanya kepada masyarakat Melayu di Malaysia tetapi juga merangkumi masyarakat Melayu

di Indonesia, Singapura, Filipina, Kepulauan Borneo, Thailand, dan Myanmar yang membentuk Nusantara. Oleh hal yang demikian, tafsiran falsafah di sebalik bilangan Lok adalah mengikut pemahaman setempat.

Walaupun keris memiliki keunikan tersendiri, namun apakah sebab yang menjadikan masyarakat Melayu kini kurang cakna akan khazanah yang bernilai ini? Hal ini sebenarnya melibatkan beberapa punca yang menyebabkan generasi Melayu kini tidak tahu dan takut akan sebuah khazanah yang bernama keris.

PENDEDAHAN TERHADAP ILMU DAN FALSAFAH BANGSA

Antara punca tersebut ialah kurangnya penerokaan atau pendedahan terhadap ilmu falsafah dan sejarah berkaitan bangsa. Rata-rata generasi muda hanya mengenali keris sebagai satu daripada senjata Melayu dan tiada fungsi selain untuk bertikam. Pemahaman generasi muda terhadap keris seperti ini sebenarnya bakal menjadi barah untuk masa depan masyarakat Melayu. Jika dinilai semula menerusi pendedahan di atas, diketahui bahawa keris sebenarnya memiliki falsafah dan pengertiannya yang mendalam seperti makna disebalik bilangan Lok, sebagai alat pengenalan asal usul seseorang dan sebagainya. Sekiranya barah ini tidak dibasmi maka akan luputlah falsafah dan makna sebenar keris di mata masyarakat Melayu.

Jika terdapat tanggapan seperti ini, maka perlulah kita mencampakkan pemahaman tersebut sejauh-jauhnya kerana boleh menghilangkan minat terhadap khazanah yang tidak ternilai ini. Seharusnya generasi muda pada hari ini memiliki sikap

inkuiri atau sikap ingin tahu yang tinggi dalam menilai khazanah sebilah keris. Perlu wujud dalam pemikiran generasi muda persoalan seperti mengapakah keris memiliki bentuk sarung yang berbeza-beza? Mengapakah keris dihiasi dengan bahan emas dan perak. Persoalan asas seperti ini mampu mencungkil pemahaman generasi muda akan keunikan sebilah keris dan kembali mendapat tempat dalam jiwa masyarakat Melayu.

STIGMA MASYARAKAT TERHADAP KERIS

Punca kedua yang menjadikan kedudukan keris seperti tidak diendahkan oleh masyarakat Melayu kini ialah stigma bahawa wujudnya unsur mistik dan kepercayaan karut berkaitan keris. Tanggapan seperti inilah yang menjadi punca utama generasi muda takut untuk melihat dan mewarisi keris peninggalan keturunannya. Pemikiran ini menjadi semakin parah apabila wujudnya kisah-kisah berkaitan keris yang berjaya menakutkan generasi muda Melayu seperti jika keris memiliki khadam atau jin, maka keris tersebut dapat didirikan tanpa jatuh. Cerita karut seperti ini sebenarnya tidak boleh diterima secara bulat-bulat dan hanya memandulkan akal manusia kerana hal tersebut pasti mempunyai penjelasan yang bersifat ilmiah.

Sebagai contoh, keris yang boleh berdiri dan dikatakan memiliki khadam atau jin, sebenarnya memiliki penjelasan secara ilmiah dan dapat diterima akal. Penjelasan terhadap kejadian tersebut ialah apabila sesebuah keris yang ditempa oleh pandai besi atau empu dengan sempurna, maka komposisi besi yang terdapat dalam keris akan menjadi seimbang dan membolehkan keris tersebut didirikan tanpa jatuh.

Dalam masa yang sama, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga kes-kes tertentu yang melibatkan keris pusaka yang memiliki khadam, namun kes-kes sedemikian dapat diselesaikan menerusi kaedah rawatan yang betul dan bersesuaian tanpa menjejaskan pusaka bernilai tersebut.

mengadakan pameran-pameran berkaitan kepelbagaian keris, termasuklah fungsinya dalam alam Melayu. Penganjuran pameran seperti ini setidaknya dapat memberikan rangsangan dan pendedahan awal kepada generasi muda bahawa keris bukan sekadar senjata malah memiliki fungsi yang

dalam kalangan orang Melayu telah menjauhkan diri daripada mengenali barangan warisan terutamanya keris. Sebenarnya, jika diteliti kenyataan agamawan tersebut dengan jelas, kenyataan yang dikeluarkannya adalah berdasarkan pengalaman ketika melakukan rawatan dan bukan

Keris merupakan lambang identiti bangsa Melayu yang mempunyai falsafah yang mendalam dan sangat dekat dalam hati orang Melayu. Keris memiliki pelbagai fungsi dalam kehidupan dan bukan hanya terhad untuk kegunaan majlis perkahwinan, adat istiadat diraja atau gelanggang silat, bahkan memiliki pelbagai fungsi dalam kehidupan.

Selain itu, terdapat segelintir masyarakat yang mengambil jalan pintas dengan melempar keris pusaka ke dalam sungai sebagai jalan penyelesaian mudah. Namun begitu, tanpa disedari bahawa mereka telah melakukan kesilapan dengan membuang harta pusaka yang memiliki sejarah keturunan mereka. Perlu diketahui bahawa keris ialah besi yang ditempa oleh manusia dan unsur besi yang digunakan ialah ciptaan Tuhan yang Maha Esa. Maka itu, besi tidak akan mendatangkan mudarat kepada manusia tanpa keizinan-Nya. Oleh hal yang demikian, masyarakat tidak seharusnya mempunyai perasaan takut atau gentar terhadap perkara-perkara sedemikian. Sekiranya persepsi negatif ini terus berleluasa dalam kalangan generasi muda Melayu, maka akan hilanglah suatu harta yang bernilai dalam masyarakat Melayu.

Hakikatnya, perlu ada langkah proaktif oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menjulang semula warisan keris pada mata masyarakat khususnya masyarakat Melayu agar tidak hilang ditelan arus permodenan. Antara langkah pemeliharaan yang boleh diambil adalah dengan

besar dalam ketamadunan Melayu. Usaha seperti ini sekali gus dapat menarik minat generasi muda untuk mengenali asal usul mereka, seperti kata pepatah Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Hal ini dikatakan demikian kerana generasi muda akan menjadi penerus warisan, seni dan budaya di negara kita. Jika generasi muda tidak mengambil peduli akan nasib warisan negara, maka dikhuatiri warisan ini akan tenggelam dan lenyap secara perlahan-lahan.

Selain itu, agamawan turut berperanan penting memberikan penjelasan kepada masyarakat tentang hukum-hakam dan panduan pengendalian barangan pusaka. Hal ini dikatakan demikian kerana telah tular bahawa seorang agamawan yang mengeluarkan kenyataan berkaitan keris pusaka yang dianggap memiliki jin dan mengaitkannya dengan perbuatan khurafat. Maka itu, masyarakat Melayu yang kurang pengetahuan atau pendedahan terhadap ilmu keris telah menyimpulkan bahawa semua keris memiliki jin atau khadam. Hal tersebut telah menimbulkan persepsi negatif terhadap keris dan barangan pusaka. Implikasinya, semakin banyak

berniat untuk menyatakan bahawa semua keris memiliki khadam atau jin. Kesalahfahaman yang berlaku ibarat nila setitik, rosak susu sebelanga. Oleh hal yang demikian, semua pihak haruslah berhati-hati memberikan maklumat dan panduan yang jelas bagi mengelakkan kesalahfahaman dalam kalangan masyarakat.

Kesimpulannya, keris merupakan lambang identiti bangsa Melayu yang mempunyai falsafah yang mendalam dan sangat dekat dalam hati orang Melayu. Keris memiliki pelbagai fungsi dalam kehidupan dan bukan hanya terhad untuk kegunaan majlis perkahwinan, adat istiadat diraja atau gelanggang silat, bahkan memiliki pelbagai fungsi dalam kehidupan. Lebih daripada itu, keunikannya jika dibandingkan dengan senjata lain di dunia, baik daripada segi kesenian dan ciri-ciri yang pelbagai, keris berada pada kelasnya yang tersendiri sebagai sebuah warisan bangsa yang tidak ternilai harganya. Oleh hal yang demikian, semua pihak khususnya generasi muda perlulah memainkan peranan masing-masing dalam memelihara warisan keris agar tidak pupus dan hilang dalam meniti arus pemodenan. ^{UB}